

SOALAN NO: 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah garis panduan dan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap pesakit yang disahkan dijangkiti virus Zika.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk tempoh sebulan iaitu dari minggu ke 37 hingga 40 (11 September hingga 8 Oktober 2016), terdapat tren penurunan kes denggi di negara ini yang mana kes denggi yang dilaporkan adalah kurang daripada 1,800 kes seminggu berbanding bulan Ogos dan awal September dimana kes mingguan dilaporkan adalah diantara 2,000 hingga 2,500 kes seminggu. Malah pada tahun ini, dari Januari hingga 8 Oktober 2016, jumlah kumulatif kes denggi adalah 84,774 kes iaitu penurunan sebanyak 10% (9,290 kes) berbanding 94,064 kes dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2015. Untuk tempoh sama, jumlah kematian denggi adalah sebanyak 190 kematian, berbanding 261 kematian pada tahun 2015, iaitu pengurangan sebanyak 71 kematian (27.2 %).

Dari 31 Ogos 2016 sehingga 8 Oktober 2016, terdapat tujuh (7) kes Zika yang telah disahkan di seluruh negara iaitu Sabah (2 kes), Johor (2 kes), Selangor (1 kes), Sarawak (1 kes) dan Wilayah Persekutuan K.Lumpur & Putrajaya (1 kes). Pencegahan dan kawalan Zika adalah berkesan di negara ini kerana penularan jangkitan Zika hanya berlaku kes sporadik dan tiada berlaku cluster atau wabak.

Program pencegahan yang telah dijalankan oleh pihak kementerian secara bersepadu dengan tujuh (7) kementerian dan lain-lain agensi telah didapati berkesan dan menunjukkan impak yang positif melalui pengurangan kes dan kematian denggi pada tahun ini berbanding tahun 2015.